

**UCAPAN SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI**

**TAHUN 1442H/2021M**

**DARIPADA**

**YANG BERHORMAT**

**PEHIN DATU LAILARAJA MEJAR JENERAL (B) DATO PADUKA SERI  
HAJI AWANG HALBI BIN HAJI MOHD YUSSOF  
MENTERI PERTAHANAN KEDUA**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ

وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahil Hamd.

Segala puji dan syukur dipanjatkan kehadiran Allah Subhanahu wa Ta'ala, Tuhan sekalian alam, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua, kita dipertemukan lagi dengan Syawal 1442 Hijrah / 2021 Masehi, bulan kemenangan dan kegembiraan bagi seluruh umat Islam setelah selesai menyempurnakan ibadah Fardhu Puasa di Bulan Ramadhan Al-Mubarak.

Hari Raya Fitrah adalah hari kemenangan besar kita seluruh umat Islam setelah berjaya mengharungi Ibadah Fardhu Puasa dengan pengisian amal ibadah, amal kebajikan dan amal takwa dengan penuh ketabahan, kesabaran dan keinsafan sehingga kepenghujungnya. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala menerima segala amal ibadah kita di Bulan Ramadhan tahun ini, mengurniakan kita pahala berlipat ganda, dan mengampunkan segala dosa-dosa kita yang terdahulu.

Dengan izin dan rahmat dari Allah Subhanahu wa Ta'ala jua, serta berkat daulat dan kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Alhamdulillah kita dapat merasakan semula nikmat Aidilfitri dan meraikannya dengan kemeriahan dan kegembiraan, dikala dunia masih berhadapan dengan penularan wabak COVID-19. Namun begitu, Negara Brunei Darussalam dan banyak negara lain di dunia masih belum diisytiharkan bebas

sepenuhnya daripada pandemik ini. Oleh yang demikian, adalah tanggungjawab kita bersama untuk terus mengikuti langkah-langkah serta garis panduan dan peraturan-peraturan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan.

Walaupun masih ada sedikit keterbatasan berbanding pada tahun sebelumnya, namun demikian, kurnia dan rahmat ini hendaklah kita syukuri khususnya nikmat dapat bersolat berjamaah Aidilfitri di masjid-masjid.

Dalam kesempatan ini, saya berserta keluarga sukacita mengucapkan Selamat Menyambut dan Meraikan Hari Raya Fitrah 1442 Hijrah/ 2021 Masihi, maaf zahir dan batin kepada semua warga Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berserta keluarga di mana pun mereka berada, semoga hikmah-hikmah dari Bulan Ramadhan dan kegembiraan hari kemenangan ini akan terus mengukuhkan talian silaturrahim dan perpaduan antara kita semua.

Akhirnya, bersama kita menadah tangan berdoa kehaderat Allah Subhanahu wa Ta'ala bagi kita terus menerus dikurniakanNya taufik dan hidayah, nikmat kesihatan, lanjut usia dan dijauhkan dari segala macam musibah serta dilepaskanNya dari penularan wabak *COVID-19*. Insyallah kita akan berkesempatan dipertemukan lagi dengan Bulan Suci Ramadhan dan Syawal yang akan datang. Aamiin Ya Rabal Alamin.

Sekian,

اللَّهُمَّ لَا تَجْعَلْهُ آخِرَ الْعَهْدِ مِنْ صِيَامِنَا إِيَّاهُ، فَإِنْ جَعَلْتَهُ فَاجْعَلْنَا مَرْحُومًا وَلَا تَجْعَلْنَا مَحْرُومًا

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته